


KERATAN AKHBAR

TARIKH : 7 DISEMBER 2022
AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 5

Perlu masa turunkan harga minyak



HARGA minyak pada masa ini dilihat berada pada keadaan terbaik dan sebarang usaha menurunkannya perlukan sedikit masa. – GAMBAR HIASAN

Formula penetapan harga sedia ada cukup baik

Perlu masa turunkan harga minyak

Oleh NORLIDA AKMAR IDROS

KULIM – Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli berkata, kerajaan memerlukan masa untuk melihat sebarang cadangan menurunkan harga minyak semasa.

Katanya, ini bukan soal formula, tetapi melihat kepada keadaan ekonomi sekarang.

"Kerajaan perlu melihat berapa pendapatan negara ketika ini dan jumlah peruntukan tambahan diperlukan untuk mengubah harga siling RM2.05 seliter.

"Kita juga kena lihat sama ada tindakan yang dibuat itu berbaloi untuk menurunkan harga minyak berbanding menggunakan peruntukan berkenaan kepada aktiviti ekonomi lain dengan ke-

san berganda.

"Semua ini memerlukan lebih banyak masa untuk kita tengok satu persatu kerana apabila masuk pengurusan baharu, sama ada kerajaan atau syarikat, kita tidak boleh masuk dan buang semua," katanya selepas berucap pada Ceramah Mega Ayuh Malaysia di Padang Serai kelmarin.

Menurutnya, formula untuk menentukan harga minyak pada ketika ini adalah kekal terbaik.

Ia jelasnya, masih digunakan kerajaan sejak beberapa tahun lalu itu mengambil kira perubahan harga minyak mentah dunia serta harga siling perlu dikenakan.

"Formula sekarang ini pun formula yang saya (cadangkan) dulu

dan daripada segi formula sekarang itu, ia kekal terbaik.

"Ia masih lagi terbaik kerana formula sekarang ini mengambil kira perubahan harga minyak mentah dunia dan juga berapa harga siling yang kita rasa akan dikenakan," katanya.

Tambah Rafizi, ada yang beritahu harga minyak mentah itu telah jatuh kerana dalam empat, lima bulan lepas ia mencapai lebih AS\$100.

"Jadi bila dah jatuh, adakah kita cukup patut juga turunkan harga minyak," ujarnya.

Bagaimanapun, katanya, pihaknya mempunyai hala taju, namun perlu melihat apa yang baik dan apa yang boleh diperbaiki.